



KLASIFIKASI PERKHIDMATAN DI MAJLIS PERBANDARAN Pengerang

SKIM PERKHIDMATAN	:	PEMBANTU KHIDMAT AM	
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEMAHIRAN	
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA	
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK	
GRED	:	H1	
KEKOSONGAN	:	4 (EMPAT)	
JADUAL GAJI	:	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
		RM1,500.00	RM4,680.00

- SYARAT LANTIKAN**
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - Warganegara Malaysia;
 - Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PEMBANTU KHIDMAT AM, H1

- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau
 - Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00); dan

- (v) Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti di perenggan (d).

- (d) (i) Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugas berkenaan.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

LATIHAN

4. Pegawai boleh dikehendaki mengikut latihan yang ditetapkan oleh ketua Jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	5.	Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
PEMBERIAN ELAUN DAN KEMUDAHAN	6.	(a) Imbuhan Tetap Perumahan (b) Imbuhan Tetap Khidmat Awam (c) Bantuan Sara Hidup
PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN	7.	Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Khidmat Am adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
FUNGSI BIDANG TUGAS	8.	Bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan landskap di dalam kawasan Majlis Perbandaran Pengerang dalam memastikan keadaan landskap berada dalam keadaan baik dan sempurna, menjalankan tugas-tugas sokongan teknikal dan operasi, melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan, peralatan, dan aset kerajaan untuk memastikan semuanya berfungsi dengan baik.